The background of the cover features a composite image. On the left, there's a grayscale architectural rendering of a modern building with a grid-like facade. In the center, a man in a dark suit and tie walks away from the viewer up a wide set of white stairs. At the top of the stairs is a vibrant, colorful city skyline with numerous skyscrapers, some with orange and yellow highlights, suggesting either sunrise or sunset. The overall composition is framed by large, sweeping green and white brushstrokes that meet at the top right corner.

# Bab 3

## Prospek PMKS di Malaysia

# Bab 3

## Prospek PMKS di Malaysia


Pemulihan pascapandemik berada dalam momentum yang kukuh ekoran banyak negara di seluruh dunia mengalami peningkatan perdagangan, pelaburan dan perbelanjaan pengguna yang ketara. Namun begitu, momentum ini perlahan-lahan lemah berikutan cabaran berterusan seperti tekanan inflasi dan ketidaktentuan geopolitik, sekaligus memerlukan pengurusan ekonomi yang berhemat. Mengambil kira keadaan yang tidak dijangka, pemain PMKS di peringkat global dan di pasaran dalam negeri perlu menyesuaikan diri dan bertindak balas dengan pantas. Pendekatan proaktif terhadap pengurusan risiko memastikan PMKS kekal tangkas dan berdaya tahan, bukan sahaja membolehkan mereka bertahan tetapi berkembang maju dalam landskap ekonomi yang tidak menentu.

### PROSPEK BAGI EKONOMI GLOBAL DAN MALAYSIA

Sejak bermulanya pandemik COVID-19, ekonomi dunia telah bergelut dengan landskap yang mencabar. Selepas pemulihan awal yang kukuh dari kesan mendalam impak pandemik COVID-19, kadar pemulihan global menjadi lebih sederhana. Hasil kajian daripada Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) pada Oktober 2023 yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) menunjukkan bahawa pertumbuhan global diunjurkan perlahan daripada 3.5% pada tahun 2022 kepada 3.0% pada tahun 2023 dan 2.9% pada tahun 2024. Unjuran bagi pertumbuhan global ini kekal di bawah purata terendah sebelum ini sebanyak 3.8% (2000-2019). Ketegangan geopolitik yang semakin memuncak terutamanya konflik Rusia di Ukraine, dasar monetari yang diperketat untuk menangani inflasi dan peningkatan perubahan iklim telah menyukarkan pemulihan dan meningkatkan risiko kelembapan global.

Meskipun terdapat beberapa tanda ekonomi berdaya tahan pada awal 2023 dan usaha untuk menurunkan inflasi keseluruhan, ekonomi global masih tidak menunjukkan prestasi yang baik seperti sebelum pandemik, terutamanya pada pasaran sedang membangun dan ekonomi membangun. Melangkah ke hadapan, imbangan risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung untuk menjadi lebih rendah. Ditambah dengan pasaran pekerja yang sesak dan jangkaan inflasi yang tinggi boleh menyebabkan tekanan inflasi yang berterusan, lantas memerlukan kadar dasar yang lebih tinggi daripada jangkaan. Gangguan iklim dan geopolitik juga boleh menyumbang kepada kenaikan harga makanan dan tenaga. Selain itu, geoekonomi yang tidak bersepadan semakin meningkat boleh menghalang aliran perdagangan merentas pasaran, sekaligus menyebabkan lebih banyak turun naik harga dan menjadikan peralihan kepada ekonomi hijau lebih rumit.

Carta 3.1: Unjuran Pertumbuhan Global dan Malaysia



a: anggaran    u: unjuran

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia, Oktober 2023 oleh IMF dan Prospek Ekonomi 2024 oleh Kementerian Kewangan

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia sudah pasti akan terjejas dengan perkembangan global ini. Ketidaktentuan yang semakin meningkat terhadap persekitaran luaran akan menimbulkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan pertumbuhan yang lebih sederhana sekitar 4.0% berbanding pertumbuhan yang lebih kukuh pada 8.7% yang diperhatikan pada tahun sebelumnya. Mengalihkan tumpuan kepada tahun 2024, ekonomi diunjurkan berkembang dalam julat 4.0 - 5.0%, dengan pertumbuhan dijangka merangkumi semua sektor. Sektor perkhidmatan akan memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan pada tahun 2024, dipacu oleh penggunaan dalam negeri yang mampu dan aktiviti eksport yang bertambah baik.

Dari sudut permintaan, perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan peningkatan permintaan global akan menjadi pemacu pertumbuhan. Prestasi yang menggalakkan oleh sektor swasta sebahagiannya disebabkan oleh langkah terperinci daripada Kerajaan dalam memupuk persekitaran perniagaan yang lebih dinamik dan berkembang maju. Perkara ini akan dapat dicapai melalui Rangka Kerja Ekonomi MADANI yang komprehensif, dilengkapi dengan dasar dan inisiatif strategik seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap, NETR*) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030*). Sementara itu, perbelanjaan pengguna dijangka kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan pemberian bantuan tunai oleh Kerajaan seperti bantuan khas untuk penjawat awam, pesara, dan kredit e-dompet untuk belia, pelajar dan rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan tahunan RM100,000 dan ke bawah. Trend peningkatan gaya hidup digital susulan pendapatan e-dagang yang lebih tinggi dan pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah juga dijangka memberikan rangsangan tambahan terhadap perbelanjaan pengguna.

Prestasi yang menggalakkan oleh sektor swasta sebahagiannya disebabkan oleh langkah terperinci daripada Kerajaan dalam memupuk persekitaran perniagaan yang lebih dinamik dan berkembang maju. Perkara ini akan dapat dicapai melalui Rangka Kerja Ekonomi MADANI yang komprehensif, dilengkapi dengan dasar dan inisiatif strategik seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap, NETR*) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030*).

## PROSPEK PERNIAGAAN DARIPADA PERSPEKTIF PERSATUAN PERNIAGAAN

Prospek ekonomi global dan Malaysia yang semakin sederhana telah diterjemahkan melalui sentimen yang lebih berhati-hati oleh peniaga. Berdasarkan Kaji Selidik Keadaan Perniagaan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (Federation of Malaysian Manufacturers, FMM) yang diterbitkan pada September 2023, prospek perniagaan dalam kalangan pemain sektor pembuatan di Malaysia kekal berhati-hati pada separuh kedua tahun 2023<sup>[12]</sup>. Petunjuk berpandangan ke hadapan iaitu keadaan perniagaan, jualan dalam negeri dan jumlah pengeluaran, semakin lemah dan menurun di bawah paras optimistik. Masalah luaran seperti aliran perdagangan yang lembap, pemulihan ekonomi China yang lembap dan dasar monetari Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, serta isu dalam negeri seperti kenaikan inflasi, kekurangan bahan mentah dan gangguan rantaian bekalan, mungkin terus memberi tekanan kepada firma dalam sektor pembuatan. Di samping itu, responden menyatakan pandangan optimistik yang agak berhati-hati terhadap prospek ekonomi bagi tahun 2024 dengan 39% mengekalkan pendirian neutral, 35% menjangkakan peningkatan, manakala 25% menyatakan pesimisme.

Mengalihkan tumpuan kepada segmen runcit, kadar pertumbuhan tahunan industri runcit Malaysia bagi tahun 2023 telah diturunkan kepada 2.7% daripada 4.8% yang dianggarkan sebelum ini<sup>[13]</sup>. Retail Group Malaysia (RGM) telah menyemak semula ke bawah prospek jangka pendek industri runcit berikutan kuasa perbelanjaan pengguna Malaysia yang semakin lemah meskipun kadar membeli-belah telah kembali ke tahap sebelum COVID-19. Walaupun kadar inflasi bulanan telah stabil secara beransur-ansur, kenaikan harga bagi kebanyakan keperluan asas dan barang pengguna masih lebih tinggi daripada sebelum COVID-19. Penyusutan nilai mata wang Malaysia juga telah menyebabkan kenaikan harga, berpunca daripada kos import bahan mentah, barang separuh siap dan barang runcit siap yang lebih tinggi. Selain itu, pemain industri terus bergelut dengan beberapa cabaran termasuk peningkatan kos pekerja, peningkatan kadar sewa dan bil elektrik, yang kemudiannya menjelaskan prospek perniagaan.

Sementara itu, hasil daripada Kaji Selidik Keadaan Perniagaan dan Ekonomi yang dijalankan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia, ACCCIM) antara April sehingga Julai 2023 menunjukkan kebanyakan responden juga mengambil pendekatan selamat dengan menunjukkan prospek perniagaan yang neutral pada tahun 2023 dan separuh pertama tahun 2024. Namun begitu, analisis terperinci memberi sedikit harapan kerana terdapat trend peningkatan responden yang menyatakan prospek bertambah baik. Perkara ini dapat dilihat dengan sejumlah 20.8% responden menjangkakan prestasi perniagaan yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2023 (ST1 2023: 11.0%), manakala 32.6% menjangkakan prestasi perniagaan yang lebih baik pada separuh pertama tahun 2024<sup>[14]</sup>. Tambahan pula, lebih rendah responden yang menyatakan prospek lebih buruk, iaitu daripada 23.5% pada separuh pertama tahun 2023, turun kepada 22.6% pada separuh kedua tahun 2023, kepada hanya 12.7% pada separuh pertama tahun 2024. Hasil jualan dan pengeluaran juga dijangka meningkat sedikit pada separuh kedua tahun 2023.

Selain itu, penerbitan Indeks Keyakinan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO Confidence Index, CCI) S3 2023 oleh Vistage-MIER pada September 2023 menekankan perspektif yang lebih yakin dalam landskap perniagaan. Indeks ini, yang membuat tinjauan terhadap CEO, pemilik perniagaan dan eksekutif utama perusahaan kecil dan sederhana, mencerminkan peralihan ke arah optimisme dan keyakinan yang lebih tinggi terhadap jangkaan keadaan ekonomi di Malaysia<sup>[15]</sup>. Sentimen yang menggalakkan dalam kalangan CEO mungkin dipengaruhi oleh petunjuk yang meyakinkan, peluang perniagaan yang berpotensi dan keadaan pasaran yang bertambah baik, sekaligus akan menyebabkan peningkatan pelaburan dan perancangan strategik pada suku tahunan akan datang. Prospek yang positif terhadap hasil, pertumbuhan dan guna tenaga menandakan prospek CEO yang menggalakkan dan seterusnya boleh memberi impak kepada pengembangan perniagaan dan kesejahteraan ekonomi keseluruhan.



## UNJURAN BAGI KDNK PMKS

PMKS membentuk komponen utama pertumbuhan perniagaan di sesebuah negara, sekaligus memacu sebahagian besar pertumbuhan di seluruh dunia. Walaupun terdapat ketidaktentuan yang berterusan dalam ekonomi global, penting untuk mengekalkan landskap PMKS yang dinamik bagi memastikan sumbangan mereka yang konsisten ke arah pertumbuhan yang inklusif dan kukuh. Meskipun jangkaan ekonomi global dan Malaysia yang semakin sederhana mungkin menimbulkan rasa berhati-hati dalam kalangan peniaga, PMKS Malaysia dijangka akan mengekalkan trajektori pertumbuhan positif pada tahun 2023 dan 2024. Dengan pertumbuhan ekonomi keseluruhan diunjurkan berkembang sekitar 4% pada tahun 2023 (2022: 8.7%), KDNK PMKS diunjurkan meningkat sebanyak 4.8% pada tahun tersebut (2022: 11.6%). Melangkah ke tahun 2024, berlatarkan persekitaran perniagaan yang mencabar, PMKS diunjurkan untuk mengekalkan momentum pertumbuhannya dan kekal berdaya tahan sepanjang tahun.

Melihat kepada taburan PMKS di Malaysia, PMKS kebanyakannya tertumpu dalam sektor perkhidmatan iaitu perdagangan borong & runcit, makanan & minuman, penginapan dan pengangkutan, yang banyak terlibat dalam industri pelancongan. Justeru, pertumbuhan permintaan dalam pelancongan memberi kesan kepada pertumbuhan PMKS di negara ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menyedari situasi ini, pemulihan industri pelancongan dalam tempoh pascapandemik akan memberi impak positif kepada PMKS tempatan. Malah, perlu diambil perhatian bahawa Ringgit Malaysia (MYR) telah mengalami penyusutan nilai berbanding mata wang antarabangsa utama. Meskipun kadar pertukaran yang lemah secara amnya dianggap memudaratkan ekonomi sesebuah negara, namun perkara ini akan memberikan sokongan kepada industri pelancongan memandangkan Ringgit yang lebih lemah akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang menarik dan berpatutan untuk pelancong asing berbanding negara lain. Hal ini boleh menarik lebih ramai kemasukan pelancong antarabangsa, seterusnya meningkatkan ekonomi dalam negeri melalui peningkatan perbelanjaan untuk penginapan, makanan, membeli-belah dan pelbagai aktiviti lapang.

Tambahan pula, masa depan menjanjikan pelbagai potensi dan peluang yang meluas untuk PMKS sekiranya mereka menerapkan amalan kelestarian dan pendigitalan dalam operasi perniagaan. Penekanan yang semakin meningkat terhadap kelestarian khususnya melalui amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) menawarkan PMKS peluang untuk mewujudkan kedudukan khusus dalam pasaran yang mementingkan alam sekitar. Memulakan penerapan ESG boleh mengoptimumkan kecekapan kos, menambah baik pengurusan risiko dan meningkatkan reputasi firma. Penerapan ESG juga akan menyumbang kepada kedudukan kewangan yang lebih kukuh dan mengiktiraf PMKS sebagai pemain beretika dalam pasaran. Lebih penting lagi, integrasi kelestarian dan amalan ESG bukan sahaja akan meningkatkan daya tahan dan daya saing PMKS tetapi juga memberi impak positif kepada alam sekitar dan masyarakat secara amnya.

Dengan kewujudan pendigitalan dan inovasi, PMKS kini lebih fleksibel untuk mencapai pasaran global dan mengembangkan pangkalan pelanggan mereka. Bagi mempercepat pertumbuhan PMKS, amat penting untuk perniagaan menggunakan teknologi. Teknologi merupakan kuasa dinamik yang memberi ruang kepada peningkatan produktiviti, memperkemas operasi dan menjimatkan kos secara ketara. Menerima peralihan paradigma daripada model tradisional kepada automasi bukan sahaja memberi kelebihan daya saing tetapi juga membolehkan PMKS memanfaatkan kepentingan teknologi dalam tempoh pascapandemik.

Selain itu, inisiatif dan dasar Kerajaan yang berterusan bertujuan untuk memupuk PMKS telah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan. Di bawah Belanjawan 2024 baru-baru ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM43.6 bilion untuk pembangunan PMKS melalui pelbagai bidang tumpuan yang secara langsung atau tidak langsung akan memberi manfaat kepada PMKS, dengan sebahagian besar 73.7% diutamakan untuk pembiayaan. Tambahan pula, inisiatif yang diperkenalkan di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan dokumen dasar yang lain akan memperkasakan lagi firma untuk berkembang maju pada tahun mendatang. Memandangkan landskap perniagaan terus berkembang, PMKS kekal bersedia untuk memainkan peranan penting dalam membentuk landskap masa depan. Keupayaan, ketangkasan dan kebolehsuaian mereka akan menjadikan PMKS sebagai pемасу utama kemakmuran dan daya tahan ekonomi.